

BAHAGIAN B

Dari SOALAN 24 hingga SOALAN 41, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di Kertas Soalan ini.

GOLONGAN KATA (16 markah)

Arahan : Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

bising	dentuman	lampu
meluncur	namun	sambil
sementara	sesak	terbabas
terjadi	tiang	ungkal

Kejadian itu berlaku semasa Hannan dan abangnya, Aiman, hendak ke rumah datuk. Abang Aiman suka memandu **(24)** _____ bercakap melalui telefon bimbit. Ayah telah menasihatinya **(25)** _____ dia tetap mengamalkan perbuatan yang melalaikan itu. Abang memang **(26)** _____ orangnya.

Kereta yang dipandu oleh Abang Aiman terus **(27)** _____ menuju ke suatu simpang yang sibuk. Pada masa itu, jalan raya agak **(28)** _____. Abang Aiman tidak sedar bahawa **(29)** _____ isyarat di simpang itu sudah bertukar kepada merah. Ini menyebabkan kereta yang bertentangan merempuh kereta mereka.

Hannan terdengar suatu **(30)** _____ yang sangat kuat. Kepalanya begitu sakit. sehingga dia tidak sedarkan diri. Dia tidak tahu apa yang **(31)** _____ selepas itu. Apabila dia sedar, dia dapati dirinya sudah pun terlantar di atas katil hospital.

Markah yang diperolehi	
------------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↪

FRASA (8 markah)

Arahan : Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- | | |
|-----|---|
| (1) | pada waktu siang hari |
| (2) | nasib Puan memang baik |
| (3) | kad tambang ke kampung |
| (4) | dapat menyambut perayaan itu |
| (5) | keping tiket kereta api ke Kota Bahru, Kelantan |
| (6) | bertuah sungguh Puan kerana dapat beraya di kampung |

Puan Rita : Selamat petang.

Penjual Tiket : Selamat petang, Puan. Boleh saya bantu?

Puan Rita : Saya mahu membeli empat **(32)** _____ bagi perjalanan pada 15 Julai.

Penjual Tiket : Maksud Puan, Rabu, 15 Julai?

Puan Rita : Ya, dua hari sebelum Hari Raya Aidilfitri. Saya berharap **(33)** _____ bersama ibu dan ayah saya di kampung halaman. Sudah lama saya tidak berjumpa dengan mereka. Saudara-mara yang lain juga akan berkumpul di sana.

Penjual Tiket : Saya pasti akan cuba sedaya upaya. Puan mahu naik kereta api pada sebelah pagi atau malam?

Puan Rita : Kalau boleh, saya mahu menaiki kereta api pada sebelah malam. Pasti lebih cepat dan lancar. Saya tidak mahu membuang masa dalam perjalanan **(34)** _____.

Penjual Tiket : Tunggu sebentar ya, Puan. Wah, **(35)** _____! Masih ada empat buah tempat kosong untuk keluarga Puan.

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↩

KEFAHAMAN 2 (20 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

“Awak semua bodoh!” herdik Cikgu Hussin. Murid-murid kelas Cikgu Hussin terdiam mendengarkan kata-kata itu. Matanya yang terbeliak besar dan wajahnya yang cukup bengis itu membuat semua murid kecut perut. Setiap orang berasa bingung. Mengapakah Cikgu Hussin memarahi mereka pada hari itu?

Setahu mereka, semua kerja rumah telah dihantar. Ujian mengejut yang diberi kepada mereka minggu lepas agak mudah. Mereka tidak ada masalah menyelesaikan kertas ujian itu walaupun tiada **peluang** untuk mengulangkaji. Murid-murid Cikgu Hussin yakin mereka telah lakukan yang terbaik.

Cikgu Hussin masih bermundar-mandir di kelas. Matanya merenung setiap pelajar yang berada di hadapannya. Dia berjalan ke arah meja guru lalu mengeluarkan kertas untuk diedarkan kepada murid-muridnya.

“Nah, ini kertas latihan tatabahasa! Selesaikan semuanya. Hantarkannya kepada saya esok. Siapa lambat hantar, siap kamu. Saya malas nak ajar kamu semua,” suara Cikgu Hussin semakin meninggi. Dia mencapai begnya lalu keluar dari kelas.

Hafidz menggenggamkan tangannya dengan kuat. Sebaik sahaja gurunya itu keluar, Hafidz melepaskan rasa geramnya, “ Ah, **aku tidak bersemangat langsung untuk buat kertas latihan ini!** ”

Beberapa orang murid menoleh dan memandang Hafidz. Mereka dapat memahami perasaannya yang marah membara terhadap Cikgu Hussin. Maklumlah, sesiapa sahaja akan hilang keyakinan apabila sering dilontarkan perkataan-perkataan yang negatif. Guru mereka itu tidak pernah berikan kata-kata perangsang yang dapat memberi mereka motivasi untuk **berjaya** dalam pelajaran itu.

Bagi Hafidz, guru bahasa Melayunya itu telah membuatnya membenci bahasa ibundanya sendiri. Kakinya sentiasa berasa berat setiap kali dalam perjalanan ke kelas bahasa Melayunya. Setiap kali dia masuk ke dalam bilik itu, dia berasa seolah-olah berada di dalam penjara. Hafidz masih tidak dapat **membendung** perasaan marahnya yang mengganas di hatinya. Bukan untuk pertama kalinya, Hafidz melihat jam yang tergantung di dinding kelasnya. Dia tidak sabar menunggu waktu mata pelajaran itu selesai.

(Dipetik dan diubahsuai daripada cerita Muhammad Khairool Haque, Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang)

(lihat halaman sebelah) ↵

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

36 Mengapakah pelajar-pelajar Cikgu Hussin berasa takut melihatnya? (2 markah)

37 Apakah yang membuat pelajar-pelajar Cikgu Hussin berasa bingung dimarahi guru itu? (2 markah)

38 Berikan dua contoh yang menunjukkan penulis tidak suka menghadiri kelas bahasa Melayu. (4 markah)

39 Cikgu Hussin bukanlah seorang guru yang baik. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

(lihat halaman sebelah) ↩

40 ' ... aku tidak bersemangat langsung untuk buat kertas latihan ini! ' Beri dua sebab Hafidz berperasaan sedemikian.

(4 markah)

41 (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) peluang

(1 markah)

(ii) berjaya

(1 markah)

(iii) membendung

(1 markah)

(b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud memerhatikan dengan teliti ialah

(1 markah)

SELESAI

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--